

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI ISNIN, 19 MEI 2025, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

- 1. DOA.**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
- 3. PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT -**
 - Bilangan 1 hingga 19 Tahun 2025**
- 4. SOALAN LISAN**

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 1 (A60)

Apakah fungsi dan peranan penubuhan Sekretariat Muafakat FELDA yang telah dilancarkan oleh YAB Menteri Besar pada bulan Mac 2025 di Kuala Lumpur dan sejauh manakah ia berperanan membantu menyelesaikan pelbagai isu dan permasalahan di dalam kawasan FELDA terutama di dalam negeri Johor?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 2 (A10)

Berapakah bilangan permohonan rumah mampu milik yang telah diluluskan dalam tahun 2024?

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 3 (A78)

Sedili mencadangkan agar, kerajaan negeri melaksanakan pembiayaan pinjaman Rumah Pertamaku Bangsa Johor untuk generasi baru Johor yang memiliki tanah dan ingin membina rumah dengan membuat pinjaman perumahan melalui bayaran pinjaman bulanan yang rendah.

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 4 (A200)

Apakah bantuan perumahan khusus yang dibina / dirancang pembinaannya untuk masyarakat luar bandar negeri Johor

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 5 (A21)

Adakah terdapat data dari Pejabat Agama berkenaan kes kegagalan bayaran tuntutan nafkah oleh suami kepada isteri dan anak-anak apabila berlaku penceraian?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 6 (A32)

Apakah silibus yang akan diperkenalkan dalam Sekolah Perintis Bangsa Johor. Apakah perkara/silibus yang membuatkan Sekolah Bangsa Johor ini berbeza dengan sekolah dibawah KPM?

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 7 (A14)

Johor Volunteers Forces, JVF menjadi platform penjawat awam negeri Johor diberikan latihan kesukarelawanan pengurusan kecemasan dan bencana. Apakah ada perancangan kerajaan negeri untuk memperluaskan skim latihan ini khusus kepada anak muda Johor.

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 8 (A18)

Apakah tindakan kerajaan negeri bagi meningkatkan respons satu satu kes kecemasan di Kota Tinggi? Adakah terdapat tindakan bagi meningkatkan jumlah ambulans terutamanya di DUN Penawar?

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 9 (A187)

Apakah tindakan kerajaan negeri bagi menampung kekurangan ambulan dan katil di Hospital Segamat? ini adalah kerana maklum balas bagi sesuatu kes kadang kala mengambil masa yang terlalu lama hingga mencecah 1 - 2 jam bagi setiap kes.

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 10 (A7)

Bilakah Hospital Segamat akan ditambah ambulans?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 11 (A106)

Apakah jenis kursus atau latihan yang diberikan kepada petugas-petugas di Program Pemulihan Dalam Komuniti agar mereka mempunyai kemahiran tertentu untuk mengasuh serta mendidik anak-anak yang berkeperluan khas?

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)
SOALAN 12 (A196)

Kesesakan di Johor Bahru kian memburuk saban hari. Apakah langkah yang sedang diambil oleh kerajaan bagi menangani isu ini, dan adakah wujud pelan jangka pendek serta jangka panjang yang dirangka khusus untuk bandar Johor Bahru?

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 13 (A185)

Nyatakan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang telah dibentuk di negeri Johor serta berapakah peruntukan tahunan KRT dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang 2023 hingga 2024?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 14 (A68)

Apakah impak sebenar Program Johor Future Agropreneur (JFA) terhadap belia 18–40 tahun secara keseluruhan dan di DUN Pekan Nanas khususnya? Adakah ia berjaya tingkatkan penyertaan dalam pertanian moden, dan apakah langkah perluasan akses serta sokongan kepada belia luar bandar?

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 15 (A37)

Kawasan Pelupusan Sampah di Jalan Maokil sekarang ini berada di dalam keadaan kritikal yang bila-bila masa akan penuh sekiranya hasil buangan sampah dari Daerah Batu Pahat masih diteruskan. Bilakah Tapak Pelupusan Sampah Bukit Payung Batu Pahat akan mula beroperasi?

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 16 (A124)

Apakah terdapat usaha mewujudkan geran bantuan khas tahunan kepada setiap ADUN bagi membolehkan penyaluran bantuan jika berlaku bencana atau keadaan masjid dan surau yang terlalu uzur sebelum mendapat peruntukan penuh daripada tabung pembangunan masjid?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 17 (A29)

Adakah sudah mula merancang strategi dalam memastikan atlet Johor akan mencapai prestasi yang lebih baik dalam Sukma 2026?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 18 (A112)

Penyakit HFMD semakin menular dan meningkat di beberapa kawasan. Untuk daerah Mersing, setakat suku tahun pertama ini berapa ramai kanak-kanak yang terkena penyakit ini dan apakah tindakan untuk mengurangkan penularan wabak ini di daerah Mersing?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)

SOALAN 19 (A46)

Apakah perkembangan Sekolah Rintis Bangsa Johor buat masa ini? Apakah perancangan seterusnya bagi memastikan Sekolah Rintis Bangsa Johor dapat diperluaskan lagi ke seluruh sekolah dalam negeri Johor?

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)

SOALAN 20 (A131)

Apakah perkembangan terkini Sekolah Rintis Bangsa Johor (SRBJ)? Adakah perancangan SRBJ ini akan diluaskan ke daerah-daerah dalam negeri Johor?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)

SOALAN 21 (A34)

Apakah penyelesaian dan penambahbaikan sedia ada yang dilakukan oleh pihak PBT dalam menangani masalah tunggakan pembayaran penyelenggaraan bulanan oleh penghuni/pemilik bangunan kediaman dibawah pengurusan strata?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)

SOALAN 22 (A191)

Adakah kerajaan negeri bersedia menambah bilangan tadika atau pusat asuhan kanak-kanak bertauliah di kawasan pertumbuhan pesat seperti Kulai di bawah Bukit Batu yang kini menunjukkan peningkatan populasi keluarga muda?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN 23 (A170)

Demi merealisasikan visi Pembangunan Kulai 2035 bertemu "Kulai Hab Pengangkutan dan Ekonomi Serantau", adakah jajaran laluan Sistem Aliran Transit Automasi (ART) dipanjangkan ke Senai khususnya Lapangan Terbang

Antarabangsa Senai (LTAS) dan apakah status rancangan ART sertakat ini?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)

SOALAN 24 (A8)

Apakah status terkini kerja-kerja naik taraf jalan pintas antara Segamat dan Tangkak?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 25 (A108)

Apakah tindakan atau perancangan kerajaan untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di Mersing terutamanya di musim perayaan yang mana sepatutnya sejak tahun 2018 lagi Endau telah mencadangkan laluan alternatif sebagai penyelesaian masalah ini?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 26 (A25)

Perancangan terkini HSA 2, apakah infra yang akan dinaiktaraf memandangkan trafik di Jalan Sejahtera 1 di Taman Desa Skudai dan berhampiran sesak di waktu kemuncak.

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 27 (A156)

Kampung Sungai Melayu menjadi salah satu destinasi pilihan Kerajaan untuk kempen Tahun Melawat Johor 2026. untuk itu pelaburan berbelas juta dalam perlaksanaan. Namun keadaan jalan laluan masuk ke kampung sangat teruk. Adakah kerajaan berhasrat untuk bina baru pada tahun ini.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN 28 (A99)

Apakah tindakan kerajaan negeri dalam menyelesaikan masalah jalan rosak dan infrastruktur asas yang uzur di kawasan-kawasan kampung dalam DUN Bukit Nanning?

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)

SOALAN 29 (A144)

Kemalangan jalan raya kerap berlaku di Jalan Bukit Aping-Kangkar Papan (laluan 99) akibat keadaan jalan yang terlalu gelap dan lintasan haiwan liar. Apakah cadangan dari pihak Kerajaan Negeri melalui pihak JKR untuk mengurangkan kadar kemalangan disitu?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 30 (A152)

Adakah kerajaan negeri mempunyai pelan untuk membantu menyelesaikan isu status tanah yang dimiliki oleh rumah ibarat bukan Islam, dewan persatuan dan sekolah jenis kebangsaan?

YB TUAN CHION SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 31 (A192)

Bolehkan kerajaan negeri menyenaraikan syarikat-syarikat yang terlibat secara aktif dalam memberikan pakej gaji premium kepada graduan TVET di Johor serta insentif yang disediakan untuk menggalakkan lebih banyak syarikat menyertai inisiatif ini?

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 32 (A81)

Sebagai satu galakan moral dan pengiktirafan kepada beban tugas serta tanggungjawab besar yang perlu digalas oleh Guru Besar, Sedili mendesak agar meneliti gred Guru Besar ditingkatkan daripada gred DG32/DG34/D38 kepada gred DG13/DG52 bagi meningkatkan motivasi serta daya saing dalam kepimpinan pendidikan negara.

5. PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG AMAT MULIA TUNKU MAHKOTA ISMAIL, PEMANGKU SULTAN JOHOR DIBAWA OLEH YANG BERHORMAT KUKUP DAN DISOKONG OLEH YANG BERHORMAT PEMANIS.

----- (PERBAHASAN) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Selasa, 20 Mei 2025, jam 9.30 pagi.